

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, September 14, 2017 11:55 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM FC Berentap Dalam Liga Bola Sepak Rakyat 2017



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



14 SEPTEMBER 2017 / 23 ZULHIJAH 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Facebook UUMFC dan LBR

UUM FC BERENTAP DALAM LIGA BOLA SEPAK RAKYAT 2017



UUM ONLINE: Kelab Bola sepak UUM (UUM FC) antara 103 pasukan dari seluruh negara yang akan berentap dalam Liga Bolasepak Rakyat (LBR) 2017 musim ketiga yang bermula 16 September ini.

UUM FC akan bersaing dengan 16 pasukan dari seluruh daerah di negeri Kedah dan Perlis bagi merebut dua slot untuk mewakili Zon Utara ke peringkat kebangsaan.

Pengurus UUM FC, Kamarudin Abdullah berkata, UUMFC yang pertama kali menyertai LBR akan mewakili daerah Kubang Pasu dengan menggunakan nama Kubang Pasu-UUM dan pembabitan itu menjadikan UUM adalah salah satu Universiti Awam (UA) yang terlibat dalam LBR 2017, selain UniMAP.

Menurutnya, dengan pembabitan ramai staf dan pelajar UUM dalam pasukan itu akan berupaya mengembalikan zaman kegemilangan bola sepak UUM, seterusnya menjadi daya tarikan kepada pelajar yang aktif dalam sukan, khususnya bola sepak untuk memilih UUM sebagai universiti pilihan.

"UUM FC merupakan hasil penjenamaan semula pasukan UUM termasuk logo baharu yang baru diperkenalkan. Untuk LBR, ahli pasukan ini bukan sahaja daripada kakitangan serta pelajar UUM, malah pemain berbakat juga diambil dari sekitar daerah Kubang Pasu bagi memantapkan lagi pasukan.

"Saya amat berharap pasukan Kubang Pasu-UUM akan dapat menunjukkan prestasi yang terbaik dan layak ke pusingan kedua peringkat Zon Utara memandangkan semua pemain telah menjalani latihan setiap hari sejak sebulan lalu di bawah jurulatih, Fuziazmi Othman," katanya.

Di peringkat Zon Utara, sebanyak 16 pasukan akan bertanding dalam format 4 kumpulan. Pasukan yang bertanding adalah Kubang Pasu-UUM, Kulim, Sik, Langkawi, Arau-Pemuda, Baling-MDB, Pendang, Bandar Baharu, Pokok Sena, Kangar-KSMR, Kota Setar-SRCC, Yan, Padang Serai, Padang Terap, Kuala Muda dan Padang Besar-UniMAP.

Pada pertandingan peringkat awal (pusingan pertama) Zon Utara Kumpulan A, Kubang Pasu-UUM akan menentang Kulim pada 16 September di Stadium UUM, diikuti pasukan Langkawi pada 30 September di Langkawi dan Sik pada 14 Oktober di Stadium UUM.

Di peringkat kebangsaan, Sebanyak 16 pasukan terbaik dari lapan (8) zon yang terlibat dari seluruh negara akan berebut gelaran juara LBR 2017.

Semua warga UUM adalah di jemput untuk turun memberi sokongan kepada pasukan kita pada setiap kali perlawanan di Stadium UUM dan perlawanan secara *live streaming* juga boleh dilayari menerusi laman Facebook UUM FC.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
✉ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.